

<https://www.chinapress.com.my?p=3883600>

## **Eksklusif | "Pentadbiran Percukaian 3.0" Mendorong Transformasi Digital, HASiL Menggunakan AI Untuk Kejar Cukai**

13 April 2024

(Berita Kuala Lumpur pada 13hb / Liputan Eksklusif / Fotografi Eksklusif) Banyak negara di seluruh dunia telah melangkah ke zaman "Pentadbiran Percukaian 3.0" yang lebih cekap dan HASiL telah mula menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan lain-lain untuk membantu dalam kerja audit dan siasatan, termasuk mengenal pasti kes dan ketirisan cukai.

Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin menegaskan bahawa bagi menyesuaikan diri dengan perubahan trend, HASiL sedang mendorong transformasi digital.

"Pentadbiran Percukaian 1.0" adalah manual, apabila sampai kepada 2.0 ianya asasnya seperti e-filing tetapi apabila sampai kepada 3.0 kami telah menggunakan kecerdasan buatan untuk mengenal pasti kes, mengenal pasti ketirisan cukai dan membuat senarai semakan audit.

Beliau menyatakan bahawa pihaknya telah mula mencuba menggunakan kecerdasan buatan untuk membantu dalam kerja audit dan siasatan. Walaupun beliau tidak mendedahkan sistem yang digunakan, namun beliau menekankan bahawa HASiL sebenarnya mempunyai peralatan pengesanan dan teknologi baharu yang berkaitan.

Beliau mendedahkan ini dalam temu bual eksklusif bersama dengan *Deputy Executive Editor-in-Chief* China Press, Yeong Kah Choon dan *Business Reporter*, Lim Jia Wen.

### **Memiliki keyakinan bahawa kutipan cukai dapat mencapai sasaran**

Abu Tariq berkata, untuk mengurangkan kes ketirisan dan pelarian cukai, pihak HASiL akan meningkatkan penguatkuasaan dan pematuhan cukai termasuk meningkatkan keberkesanan kutipan cukai.

"Kami akan memberi tumpuan kepada individu berpendapatan tinggi sama ada mereka melaporkan cukai dengan betul, ekonomi bayangan, pelarian cukai, transaksi dalam talian, akaun luar negara, transaksi rentas sempadan, dan harga pindahan domestik, semua ini adalah bidang yang kami akan diberikan tumpuan."

Walaupun cabaran yang dihadapi besar tetapi Abu Tariq masih yakin bahawa dapat mencapai sasaran hasil kutipan cukai sebanyak RM197 bilion yang telah ditekankan oleh Perdana Menteri pada tahun ini. Namun, selain usaha pihak HASiL, sama ada sasaran itu dapat dicapai juga bergantung kepada faktor ekonomi.

"Saya masih yakin kerana beberapa data menunjukkan pertumbuhan ekonomi Malaysia masih berada pada landasan yang betul."

## **Suka mempamerkan kekayaan di media sosial, diperhatikan dengan teliti, pempengaruh media sosial sukar melarikan cukai**

Abu Tariq berkata, pihak beliau berpendapat bahawa masalah yang paling sukar adalah ekonomi bayangan dan ia lebih sukar untuk diselesaikan berbanding dengan pempengaruh media sosial yang hidup mewah dan mempamerkan kekayaan mereka di media sosial tetapi tidak membayar cukai.

Untuk menangani pempengaruh media sosial dan usahawan digital yang tidak membayar cukai, pihak HASiL sebelum ini telah menujuhkan seksyen khas untuk memantau mereka. Katanya, ketirisan cukai ini semua dikategorikan sebagai transaksi dalam talian.

Walau bagaimanapun, beliau berpendapat bahawa ekonomi bayangan "halimunan" adalah lebih sukar berbanding dengan pempengaruh media sosial dan usahawan digital yang "boleh dilihat".

"Keadaan kutipan cukai langsung kami masih dikira baik tetapi masih ada ruang untuk peningkatan. Cabaran terbesar masih ekonomi bayangan yang melibatkan pendapatan dan pulangan yang tidak dilaporkan."

Katanya, kadangkala orang menganggap ekonomi bayangan hanya melibatkan syarikat-syarikat haram, kumpulan haram atau aktiviti haram tetapi sebenarnya juga melibatkan pemegang lesen sah yang tidak melaporkan cukai dengan betul dan kedua-duanya juga perlu ditangani oleh pihak beliau.

### **Sebanyak 2.27 juta pembayar cukai telah diaudit tahun lepas**

Menurut data daripada HASiL sejumlah 2,272,987 pembayar cukai telah diaudit pada tahun 2023, sementara terdapat 570 kes dibuka untuk siasatan. Jumlah keseluruhan cukai yang terlibat mencecah RM397,334,353 berbanding dengan 525 kes dan berjumlah sebanyak RM286,788,592 pada tahun 2022.

Abu Tariq menyatakan bahawa tujuan audit adalah untuk taksiran tambahan atau untuk menentukan sama ada tindakan guaman sivil perlu dikenakan.

"Apabila siasatan bermula, tujuannya seringkali adalah untuk mendakwa individu atau entiti tersebut di mahkamah. Ini biasanya adalah kes yang serius seperti yang mungkin melibatkan invois palsu, dokumen palsu, dan niat untuk mengelak cukai."

Sebelum ini, Perdana Menteri Dato' Seri Anwar pernah menyatakan bahawa beliau tidak mahu syarikat atau individu merasakan bahawa kedudukan dan pengaruh mereka boleh terlepas daripada melaksanakan tanggungjawab membayar cukai.

Abu Tariq menyatakan bahawa pihak HASiL mempunyai data berkaitan dan sentiasa berusaha untuk mengenal pasti individu yang kekayaannya tidak sepadan dengan pelaporan mereka.

Beliau menyatakan bahawa pihak HASiL telah mengenal pasti sebanyak 252 kes di mana kekayaan individu tidak sepadan dengan pelaporan mereka pada tahun 2021,

dan meningkat kepada 525 kes pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, kebanyakan kes telah berpindah daripada tindakan sivil kepada pendakwaan.

Beliau berkata, dalam kes serius jumlah yang tidak dilaporkan adalah setinggi RM10 juta atau lebih.

### **Undang-undang maklumat peribadi menyekat akses kepada maklumat**

Apabila bercakap mengenai kecekapan penguatkuasaan undang-undang, Abu Tariq menekankan kepentingan data kerana hanya dengan mendapat maklumat yang terperinci, pihak HASiL dapat menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang dengan lebih berkesan untuk mengenal pasti individu dan syarikat yang tidak melaporkan cukai."

Walau bagaimanapun, beliau juga mengakui bahawa Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) menyekat pihak HASiL daripada mendapatkan maklumat terperinci. Oleh itu, Pihak HASiL bukan mudah untuk mendapatkan data dan maklumat yang berguna.

"Kami akan bekerjasama dengan pelbagai agensi semasa mengejar cukai termasuk cuba mendapatkan data peribadi daripada beberapa entiti tetapi disebabkan PDPA, sesetengah syarikat tidak mahu mendedahkan maklumat kepada kami."

Beliau menyatakan bahawa percubaan sebelum ini untuk mendapatkan maklumat peribadi ahli daripada Kumpulan Genting adalah salah satu contoh yang mengalami halangan.

### **Kadar e-filing meningkat 4.8%**

Kesedaran rakyat terhadap pelaporan pendapatan semakin meningkat setiap tahun, jumlah menggunakan sistem e-filing untuk melaporkan cukai telah meningkat sebanyak 4.8% pada tahun 2023 kepada 6,255,252 orang berbanding dengan 5,966,598 orang pada tahun 2022.

Data dari HASiL menunjukkan bahawa jumlah pembayar cukai yang menggunakan sistem e-filing meningkat setiap tahun. Pada tahun 2020, terdapat 5,594,374 orang, meningkat 3.17% kepada 5,771,808 orang pada tahun 2021 dan peningkatan sebanyak 3.37% kepada 5,966,598 orang pada tahun 2022.

Abu Tariq menekankan bahawa walaupun data menunjukkan peningkatan dalam jumlah pembayar cukai tetapi masih ada beberapa bidang yang perlu ditangani dengan segera oleh pihak HASiL seperti ekonomi bayangan.

"Kami memerlukan kerjasama golongan ini kerana tahap pematuhan cukai pada masa ini adalah 75%. Walau bagaimanapun, Kadang-kadang ada pembayar cukai mengadu bahawa mereka tidak memahami tentang ketetapan atau dokumen dan penyimpanan rekod perniagaan tidak lengkap dan sebagainya."

Beliau berkata HASiL kadangkala memberi galakan dan sokongan dan juga melaksanakan Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 (SVDP 2.0) untuk

menggalakkan melaporkan pendapatan yang belum dilaporkan.

Beliau juga mengulangi bahawa selepas Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 (SVDP 2.0) kali kedua yang dilaksanakan oleh pihak HASiL berakhir pada hujung Mei, HASiL tidak akan melancarkan program serupa lagi. Jadi mereka yang masih enggan melaporkan pendapatan akan "didenda"!

"Kami percaya bahawa masa yang diberikan adalah mencukupi. Jadi kami tidak akan mengambil langkah tambahan atau melancarkan sebarang program khas pengakuan sukarela dengan pengurangan atau tanpa penalti. Ini kerana kami mahu melayan pembayar cukai lain secara adil kerana ramai daripada mereka atau syarikat mereka telah melaporkan cukai dalam tempoh yang ditetapkan."

Beliau mendedahkan bahawa sehingga 15 Mac tahun ini, terdapat 79,684 pembayar cukai atau entiti telah menyertai program tersebut dan melibatkan jumlah cukai yang tinggi sebanyak RM7.3772 bilion.

### **HASiL bertindak balas dengan cepat tanpa kebocoran maklumat peribadi e-CP8D**

Borang pra-isi gaji tahunan dalam talian (e-CP8D) majikan HASiL sebelum ini dilaporkan mengalami isu kebocoran maklumat peribadi dan menimbulkan kebimbangan di kalangan orang ramai.

Bagaimanapun, HASiL menjelaskan bahawa selepas pengesahan didapati tiada kebocoran maklumat dan tiada situasi di mana sesiapa pun boleh mengakses maklumat syarikat secara bebas.

Pengasas ANC Group of Tax Consultants, Liew Tzen Hsiung mendakwa melalui Facebook sebelum ini bahawa terdapat masalah kebocoran maklumat peribadi dalam e-CP8D dan menyeru majikan untuk tidak mengemukakan borang berkaitan buat masa ini.

Abu Tariq menjelaskan bahawa HASiL telah mengambil tindakan segera selepas menerima laporan pada 10 Mac termasuk menutup serta-merta fungsi e-CP8D di laman web MyTax dan menyekat akses.

Beliau menjelaskan bahawa bukan semua orang boleh mengakses ke platform e-CP8D untuk menyemak maklumat tersebut. Borang tersebut diisi oleh majikan atau individu yang dilantik oleh majikan untuk melaporkan maklumat peribadi dan gaji pekerja mereka melalui e-CP8D.

Beliau berkata, pekerja atau pegawai kewangan boleh dilantik oleh majikan. Jadi hanya majikan dan orang yang berkaitan boleh mengaksesnya. Jika berlaku kebocoran, masalahnya mungkin berpunca daripada majikan atau orang yang dilantik atau mungkin berpunca dari dalam syarikat itu sendiri. Beliau berkata, apabila pihak HASiL melancarkan MyTax 2.0, mereka juga memberi amaran kepada majikan bahawa mereka perlu melantik orang yang dipercayai untuk membuat pengisian maklumat pekerja.

"Selepas mengetahui kebenarannya, kami telah menarik balik sekatan akses ke atas majikan, individu dan ejen cukai secara berperingkat bagi memudahkan mereka meneruskan pengisian dan melaporkan maklumat sewajarnya."

### **Peningkatan infrastruktur keselamatan melalui pemantauan 360 darjah**

Abu Tariq menyatakan bahawa pihaknya sedang menjalankan transformasi digital, ia juga tidak lupa untuk mempertingkat dan menaiktaraf infrastruktur keselamatannya termasuk semua aspek aplikasi dalaman dan luaran serta perkhidmatan rangkaian.

Unit Keselamatan Rangkaian pihak HASiL akan menyediakan pemantauan 360 darjah dan mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya.

"Kami juga melakukan penilaian postur keselamatan secara berkala untuk memastikan langkah keselamatan kami tidak terjejas dan berkesan untuk meningkatkan keupayaan kami untuk menentang risiko baharu, trend baru muncul dan potensi kelemahan. Sehingga kini, kami tidak mempunyai rekod serangan siber."

Beliau menyatakan bahawa fokus utama transformasi digital HASiL tahun ini adalah e-Invois yang juga merupakan tumpuan utama tahun ini.

"Syarikat besar biasanya mempunyai kumpulan teknikal mereka sendiri untuk membina sistem tetapi memerlukan kos yang tinggi. Bagi syarikat kecil dan sederhana yang tidak mempunyai keupayaan untuk menubuhkan kumpulan teknikal memerlukan lebih banyak bantuan."

"Ini sebenarnya memberi manfaat kepada perniagaan termasuk boleh melaksanakan kerja-kerja perekodan. Kami tidak mendengar banyak suara-suara bantahan cuma memerlukan lebih banyak masa."

### **Kes Najib adalah kes amaun tertinggi sepanjang karier Abu Tariq**

Abu Tariq mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam perundangan, litigasi dan penggubalan undang-undang percuaian.

Pada tahun 2020, beliau juga pernah memfailkan saman kepada Mahkamah Tinggi bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk mendapatkan semula cukai daripada bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib menuntut cukai pendapatan dan penalti yang tidak dibayar berjumlah lebih RM1.7 bilion.

Beliau mengakui bahawa kes Najib merupakan salah satu kes amaun tinggi yang pernah dikendalikan sepanjang karier beliau.

Beliau berkata, setiap kes mempunyai tahap kesukaran yang berbeza dan sebelum memutuskan sama ada untuk menyerahkan kes kepada pasukan audit atau untuk membuka fail untuk siasatan, HASiL akan mengenal pasti dahulu kategori mana kes tersebut melibatkan, sama ada pembayar cukai yang kurang kesedaran cukai atau pembayar cukai yang berisiko tinggi.

"Selepas keputusan audit dikeluarkan, jika tidak berpuas hati, mereka akan mengemukakan bantahan melalui Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan. Secara umumnya, pertikaian adalah sama ada mereka patut dikenakan cukai atau tidak yang melibatkan aspek teknikal cukai."

Beliau berkata, pembayar cukai sanggup membelanjakan wang untuk ke mahkamah bermakna mereka mempunyai alasan untuk berhujah. Lazimnya mereka tidak bersetuju dengan tafsiran undang-undang cukai HASiL. Jadi mereka mencabar di mahkamah. Secara amnya, pembayar cukai yang tidak mempunyai dokumen yang mencukupi tidak akan mengambil tindakan undang-undang kerana tiada dokumentasi yang menyokong mereka.